

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 4 TAHUN 1978

DASAR MENGENAI 'SEKATAN HAKMILIK/SEKATAN KEPENTINGAN' SEMASA MELULUSKAN PEMBERIAN MILIK TANAH KERAJAAN

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumi Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai cara dan keperluan mengenakan sesuatu 'Sekatan Hakmilik (Restriction in interest) semasa meluluskan milik tanah Kerajaan.

2. Mengikut Seksyen 79(2)(g) dan Seksyen 120 KTN, pihak berkuasa Negeri mempunyai Kuasa bagi menetapkan apa-apa Sekatan Hakmilik/Sekatan. Kepentingan yang difikirkan perlu dikenakan semasa meluluskan masa yang lepas, Kerajaan Negeri belum mengadakan satu dasar tetap bagaimana cara untuk mengenakan Sekatan Hakmilik/Sekatan Kepentingan. Oleh kerana itu maka terdapatlah tidak keseragaman dari segi menetap dan cara mengena Sekatan Hakmilik/Sekatan Kepentingan.

3. Setelah mengkaji dan menimbang kertas MMK Bil 4/72/78/(4). Pihak Berkuasa Negeri telah bersetuju menetapkan bahawa Pemberianmilik tanah yang akan datang hendaklah dikenakan sekatan Hakmilik seperti berikut:-

JENIS/CARA PEMBERIAN MILIK

SEKATAN HAKMILIK

(a) Tanah-tanah yang terletak dalam sesuatu Rancangan atau Skim yang teratur seperti Kampong Bharu, Pindahan Darurat, LKTN, Rancangan Blok Ketua Jajahan dan sebagainya dan tanah-tanah yang telah diperintah haram.

Tanah yang terkandung dalam Hakmilik ini tidak boleh dipindahmilik melainkan terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri.

(b) Tanah-tanah yang terletak di luar sesuatu Rancangan atau Skim yang teratur dan tanah-tanah yang belum diperintah haram.

Tanah yang terkandung dalam Hakmilik ini tidak boleh dipindahmilik dalam tempoh 10 tahun dari pendaftaran Hakmilik, melainkan dengan

kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri.

(c) Tanah-tanah yang terletak di luar Kawasan Rizab Melayu diberimilik kepada sesiapa juga.

Tanah yang terkandung dalam Hakmilik ini tidak boleh yang dipindahmilik melainkan terlebih dahulu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Saya yang menurut perintah

t.t

(Hamzah bin Ahmad)

Pengarah Tanah Dan Galian
Kelantan

KEPADA:

Semua Pemungut-Pemungut Hasil Tanah
Kelantan.

SALINAN KEPADA

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.

Juru Odit Negeri Kelantan

Pengarah Ukur Negeri Kelantan

Pengarah Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN, KOTA BHARU.**

FAIL: PTG. (KN) BIL 378/(4)

KOTA BHARU: 10HB OGOS 1978